

Newspaper	Berita Harian
Date	26/4/2014

SEMPENA LAWATAN PRESIDEN OBAMA KE MALAYSIA



Era baharu hubungan akrab Washington, KL

BH - 26/4/2014

» Kunjungan Obama perkukuh landasan diplomatik: PM

Oleh Nurul Hazren Masitom, Nazura Ngah dan Mohd Azrone Sarabatin
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kunjungan sulung Presiden Barack Obama ke Malaysia dijangka membuka era baharu hubungan lebih mesra antara Washington dan Kuala Lumpur.

Malah Datuk Seri Najib Razak sendiri berhasrat meletakkan hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) itu pada landasan diplomatik baharu apabila Obama tiba di sini, mulai hari ini.

Perdana Menteri berkata, kedatangan Obama itu seolah-olah memberi satu suntikan baharu ketika negara ini berdepan kejadian kehilangan pesawat MH370 bulan lalu.

Kunjungan Obama adalah yang kedua bagi Presiden AS selepas Presiden Lyndon B

Johnson mengunjungi negara ini 48 tahun lalu, iaitu pada tahun 1966. Ketika itu, Obama yang pernah tinggal di Indonesia pada zaman kanak-kanak, berusia lima tahun.

"Kami bersedia untuk memainkan peranan lebih besar di rantau ini dan berikutnya," kata Najib dalam satu temu-ramah dengan akhbar *The Wall Street Journal* (WSJ).

Broker perjanjian damai

Beliau memberi contoh peranan Malaysia sebagai broker dalam perjanjian damai yang baru ditandatangani antara kerajaan Filipina dan kumpulan pemisah Islam di selatan negara itu - satu perjanjian yang dikatakan Najib mengahadkan ruang untuk kumpulan militan yang dikaitkan al-Qaeda beroperasi di rantau itu.

Selain itu, katanya, Malaysia juga berperanan memulakan satu rundingan damai sementara antara kerajaan Thailand dan pemisah Islam di sana.

Diplomat mengatakan Washington melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana yang mana sokongan daripadanya boleh membantu usaha AS untuk mengukuhkan semula hubungan dengan rantau Asia Pasifik bagi menyeimbangkan pengaruh Chi-

na yang semakin meningkat.

"Saya fikir kunci kepada kestabilan akan datang dan kemakmuran keseluruhan rantau ialah bagaimana menguruskan hubungan antara Amerika dan China.

"Kepentingan Amerika adalah dari segi pasaran dan pelaburan asing langsung dan sesetengah elemen keselamatan. Namun, China juga penting kerana ia berperanan sebagai enjin pertumbuhan untuk ekonomi serantau dan ekonomi dunia. Kita tidak mahu berada dalam kedudukan di mana kita perlu memilih antara kedua-duanya," katanya.

Sementara itu, pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ter-

“ Saya fikir kunci kepada kestabilan akan datang dan kemakmuran keseluruhan rantau ialah bagaimana menguruskan hubungan antara Amerika dan China ”

Najib Razak, Perdana Menteri

tinggi UMNO di Menara Dato Onn, di sini, semalam, Najib berkata, kerajaan tidak pernah meneken Obama dalam isu pertemuan dengan beberapa pihak di negara ini ketika beliau berada di negara ini.

Obama 'super power'

Sebaliknya, katanya, keputusan itu ditentukan sendiri oleh Obama kerana tiada siapa yang boleh menekan pemimpin kuasa besar itu, termasuk dalam kalangan pemimpin kerajaan Malaysia.

"Siapa boleh tekan Obama, Obama 'super power' (kuasa besar), dia Presiden, kita hanya negara kecil," katanya. Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Obama menghadapi tekanan supaya tidak mengadakan pertemuan dengannya ketika lawatan kerja ke negara ini.

Ketika diminta mengulas mengenai isu keselamatan sepanjang kunjungan Obama, Najib berkata, kerajaan memberi jaminan mengenai tahap keselamatan ketika lawatan tiga hari pemimpin berkenaan.

"Insya-Allah selamat, kita akan buat kawalan sebaik mungkin," katanya.